

'Usah ganggu keamanan Malaysia'

Oleh Rasheffa Abdul Rashid

TAIPING: "Jangan ganggu ketenteraman masyarakat berbilang kaum di negara ini," tegas Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Sambil merujuk kepada kenyataan Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew, Dr Lim berkata, parti pembangkang sudah mula mengambil kesempatan terhadap, kenyataan itu untuk mengaburi fikiran rakyat negara ini.

Sehubungan itu, Dr Lim yang juga Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi meminta parti pembangkang negara ini untuk menguruskan parti sendiri terlebih dulu sebelum menuding jari kepada orang lain.

"Suruh dia (pembangkang) jaga parti sendiri dulu dan jangan cakap banyaklah," katanya kepada pemberita ketika menghadiri Majlis Amal Gerakan Bukit Gantang di sini, malam kelmarin.

Beliau berkata demikian ketika me-

ngulas tindakan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng yang bersetuju dengan kenyataan dikeluarkan Kuan Yew yang mendakwa penduduk Cina di Malaysia dipinggirkan.

Pemimpin DAP itu mengeluarkan dakwaan itu dalam laman web Malaysiakini menyifatkan reaksi pemimpin Cina dalam Barisan Nasional (BN) terhadap kenyataan Kuan Yew itu sebagai penafian politik dan mendakwa keadaan itu wujud di Malaysia.

Guan Eng turut mengibaratkan reaksi berkenaan seperti tin kosong dan membuat dakwaan lanjut bahawa kaum India dan Melayu miskin di negara ini juga dipinggirkan.

Ditanya sama ada Kuan Yew patut meminta maaf, Dr Lim berkata, bergantung kepada Kuan Yew bagaimana beliau hendak meminta maaf atau menarik balik kenyataan dikeluarkannya ketika berucap pada forum sempena mesyuarat Bank Dunia-Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) di Singapura baru-baru ini.

"Macam mana dia (Kuan Yew) hen-

dak tarik balik... itu dia punya masalah. Perkara ini dianggap sebagai sesuatu yang mengganggu ketenteraman masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

"Saya ingat dia tidak sepatutnya mengeluarkan kenyataan seperti itu, apa tujuannya saya pun tidak tahu, ada orang boleh anggap ia sebagai niat jahat dan dengan itu kami (BN) tidak menerima komen seperti ini," katanya.

Dalam perkembangan lain ditanya mengenai amaran Presiden Parti Progressif Penduduk (PPP), Datuk M Kayveas kepada Gerakan bahawa beliau akan kekal di kerusi Parlimen Taiping, Dr Lim berkata, keputusan bergantung kepada jawatankuasa tertinggi BN.

"Perkara ini hanya dapat diputuskan BN dan bukan saya. Perjanjian atau tidak ia bergantung kepada masa depan. Jadi pemimpin tertinggi BN berhak membuat sesuatu.

"Saya tidak tahu kita (Gerakan) dipanggil untuk bertanding di Taiping atau Bukit Gantang ia bergan-

tung kepada keputusan jawatankuasa negeri," katanya.

Sabtu lalu Kayveas berkata, pucuk pimpinan BN membuat keputusan mengenai kerusi itu pada pilihan raya umum lalu dan adalah tidak wajar pemimpin Gerakan mempersoalkannya sekarang di samping mendakwa beliau tidak akan menyerahkan kerusi itu kepada Gerakan.

Dr Lim berkata, beliau sudah menerima surat pelantikan sebagai Ketua BN Bahagian Beraus, manakala Ketua Wanita Gerakan negeri yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang, Tan Lian Hoe dilantik sebagai Ketua BN Taiping.

"Surat pelantikan itu diberikan oleh Pengerusi BN negeri yang juga, Menteri Besar, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali ketika bertemu dengan saya kelmarin," katanya.

Bagaimanapun, katanya, masih awal untuk membuat spekulasi mengenai perkara itu dan beliau tidak teruja untuk mengetahui mengenai perkara itu pada masa ini.